

LEE KUOK TIUNG
SITI SURIANI OTHMAN

Pertumbuhan dan Pelestarian Industri Eko-Pelancongan: Kajian Pulau-pulau Peranginan Sekitar Pantai Timur Sabah, Malaysia

ABSTRAK

Keindahan flora dan fauna di Sabah telah membantu sektor pelancongan menduduki tangga teratas penyumbang pendapatan utama kepada Negeri di Bawah Bayu ini untuk beberapa tahun berturut-turut. Ini berasaskan premis bahawa industri pelancongan secara tidak langsung memperkayakan kepelbagaian komoditi yang boleh dipasarkan. Kajian ini mencadangkan untuk menilai perkembangan industri eko-pelancongan di sekitar kepulauan berdekatan Semporna sambil cuba mencungkil pengalaman pelancong-pelancong antarabangsa yang berbeza-beza. Umumnya, sumbangan paling besar melalui industri pelancongan di situ yang boleh dilihat adalah pertumbuhan rancak resort-resort yang secara langsung menjadi pemangkin kepada proses pembandaran pekan Semporna, mendorong pertumbuhan resort yang diusahakan penduduk tempatan, peningkatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan peniaga-peniaga runcit kraftangan di Pulau Mabul, penambahan sumber pendapatan kerajaan negeri dan penduduk, dan perkembangan sistem perhubungan dan jaringan jalan raya. Walau bagaimanapun, persoalan-persoalan kelestarian (sustainability), kesinambungan (continuity) dan keadaan yang berdekatan (contiguity) menyebabkan kemusnahan jangka panjang yang lebih buruk terhadap struktur dasar laut dan kedinamikan ekosistem di kawasan tersebut.

Kata-kata kunci: *Eko-pelancongan, kepulauan Semporna, Sabah, sumbangan positif, dan persoalan negatif.*

PENGENALAN

Pelancongan yang berasaskan kepada semula jadi merupakan sektor yang berpotensi besar untuk diceburi. Sebagaimana diketahui, pelancongan merupakan sumber penting untuk: (1) pendapatan daripada pertukaran mata wang asing; (2) pelancongan telah menyumbang kepada ekonomi Malaysia ketika kejatuhan harga komoditi; (3) ia menyediakan lima peratus pengambilan tenaga pekerja; (4) kebanyakan pelancong adalah daripada kawasan Asia

Lee Kuok Tiung ialah Pensyarah Sekolah Sains Sosial UMS (Universiti Malaysia Sabah), Beg Berkunci 2073, 88999 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Emel beliau adalah: lee@ums.edu.my
Manakala Siti Suriani Othman ialah Pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM (Universiti Sains Islam Malaysia), 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. Emel beliau adalah: suria3979@gmail.com

Pasifik; dan (5) kerajaan memainkan peranan penting dalam mempromosikan pelancongan (Alister & Wall, 1991). Malahan, penyumbang pendapatan utama negeri Sabah untuk tahun 2008 ialah sektor perlancongan.

Ramai sarjana dan pakar ekonomi mendakwa bahawa pelancongan berasaskan alam semula jadi merupakan sektor yang paling cepat berkembang, dan Sabah mempunyai banyak kemungkinan untuk menarik pelancong dengan kehidupan liar, keindahan flora dan fauna seperti Pelancongan Warisan dan Kebudayaan; Pelancongan Eko dan Agro; Pelancongan Sukan; Pelancongan Kesihatan; Pelancongan Rohaniah; Pelancongan Pendidikan; dan sebagainya, iaitu semuanya berkisarkan kepada menikmati keindahan alam semula jadi dan budaya baru tanpa merosakannya sebaliknya membantu kawasan yang dikunjungi (SGS, 1996).

Eko-pelancongan berasal dari perkataan Bahasa Inggeris, *ecotourism*, umumnya berkisar kepada pengembaraan alam sekitar yang bertujuan menikmati dan menghayati pengalaman alam semula jadi dan kebudayaan (Weaver, 2001). Ia seharusnya mempunyai impak yang rendah terhadap alam sekitar dan harus menyumbang kepada kesejahteraan penduduk tempatan. Secara perinciannya eko-pelancongan boleh diringkaskan kepada aktiviti-aktiviti yang membawa pelancong lebih dekat kepada alam semulajadi; mereka boleh mengambil bahagian, dihibur dan merasa keseronokan mempelajari, melawat dan menemui sesuatu yang baru yang berasaskan alam semula jadi; kebiasaannya ia menyelitkan bersama program-program aktiviti gaya kehidupan masyarakat luar bandar, seni, budaya dan warisan masyarakat setempat; ia menyediakan peluang kepada pelancong untuk merasakan sendiri aktiviti pertanian secara langsung; pelancong boleh mengambil bahagian yang rutin dilakukan oleh penduduk tempatan dan mereka boleh merandai (mengharungi) lautan bersama-sama dengan nelayan. Sumbangan yang signifikan telah dibuat kebelakangan ini untuk memahami pelancongan sebenar dan diterima kesan-kesan sosial dalam kaum-kaum destinasi dan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap penduduk tempatan terhadap pelancongan.

Menurut C. Cooper dan S. Wanhill (1996), terdapat tren ke arah pelancongan yang berasaskan minat khas yang secara eksklusif fokus kepada alam semula jadi, kawasan semula jadi, dan berkisarkan pemuliharaan. Erti penting eko-pelancongan telah disedari oleh kebanyakan komuniti di seluruh pelosok dunia. Pulau Sipadan telah diiktiraf sebagai lima destinasi tercantik untuk aktiviti menyelam di dunia. Eko-pelancongan telah menjadi semakin popular dan ia bukan sahaja menjanakan pendapatan untuk Sabah dan negara Malaysia, tetapi juga menimbulkan kesedaran di kalangan penduduk tempatan akan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan (Jafar Jafari, 2000).

Secara keseluruhannya, jumlah pelancong yang datang ke Sabah cukup memberangsangkan. Ini berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Lembaga Pelancongan Sabah.

Jadual 1.1.

Ketibaan Pelawat ke Sabah Mengikut Kewarganegaraan dari Januari hingga Oktober Tahun 2007 dan 2008

Kewarganegaraan	Tahun	
	2008	2007
Asia	485,674	865,877
Oceania	24,950	23,850
Eropah	55,814	56,096
Amerika Utara	15,359	19,909
Lain-lain	9,755	21,928
Antarabangsa	591,552	987,660
Malaysia	1,287,830	1,490,783
JUMLAH	1,879,382	2,478,443

Sumber: MASB, Sabah (2008); Jabatan Imigresen Sabah (2008); Malaysia Airlines K.L. (2008); and AirAsia Fax (2008) dalam www.sabahtourism.com.my (12/8/2010).

Catatan:

1. Statistik Ketibaan Langsung adalah berdasarkan kad IMM26 dan ketibaan secara tidak langsung berpandukan *Head Count Method* oleh Jabatan Imigresen.
2. Ketibaan warga Malaysia berpandukan pergerakan di dalam Malaysia.

Daripada jadual di atas, jumlah pelancong tempatan yang berkunjung ke Sabah lebih ramai daripada daripada luar negara. Bergitupun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelancong tempatan yang mengunjungi destinasi-destinasi di sekitar kepulauan Sipadan jauh lebih rendah berbanding pelancong asing. Pelancong dari luar negara majoritinya datang daripada kawasan Asia, tetapi statistik menunjukkan bahawa bilangan kehadiran pelancong dari Asia bagi tahun 2008 merosot mendadak jika dibandingkan dengan tahun 2007. Daripada jumlah tersebut, perincian statistik negara asal pelancong mengikut benua ditunjukkan di jadual di bawah:

Jadual 1.2.

Negara-negara Utama Asal Pelancong Berdasarkan Zon

Kewarganegaraan			
Asia	Oceania	Eropah	Amerika Utara
Brunei	Australia	Perancis	Amerika Syarikat
Filipina	New Zealand	Jerman	Kanada
Indonesia		Denmark	
Singapura		Finland	
China & Hong Kong		Norway	
Jepun		Sweden	
Taiwan		UK & Ireland	
Negara Thai		Belgium & Luxembourg	
Korea Selatan		Itali	
		Netherlands	
		Rusia	
		Switzerland	

Sumber: MASB, Sabah (2008); Jabatan Imigresen Sabah (2008); Malaysia Airlines K.L. (2008); and AirAsia Fax (2008) dalam www.sabahtourism.com.my (12/8/2010).

Daripada jadual di atas, pelancong Asia kebanyakannya adalah daripada negara jiran Brunei, Filipina, Indonesia, Singapura, China (termasuk Hong Kong), Jepun, Taiwan, Negara Thai, dan Korea Selatan. Dari gugusan Oceania adalah Australia dan New Zealand. Daripada Eropah pula terdiri daripada Perancis, Jerman, Denmark, Finland, Norway, Sweden, United Kingdom dan Ireland, Belgium dan Luxembourg, Itali, Belanda (Netherlands), Rusia, dan Switzerland; manakala dari Amerika Utara pula terdiri daripada Amerika Syarikat dan Kanada.

LOKASI PILIHAN: PULAU SIPADAN DAN PULAU MABUL

Pulau Sipadan, Mabul, dan Kapalai merupakan tiga pulau utama destinasi pelancongan yang utama di sebelah Pantai Timur, Sabah, Malaysia. Kajian ini telah memilih Pulau Mabul, Pulau Sipadan, dan sekitar pekan Semporna sebagai destinasi untuk mengumpul data. Senarionya adalah kerana ia terkenal dengan aktiviti *snorkelling*, menyelam dan berenang, dan ini mudah difahami berdasarkan popularitinya, munasabah, dan bermakna.

Sipadan merupakan sebuah pulau yang terletak 35 kilometer selatan di Semporna, Sabah, merupakan satu-satunya pulau samudera di Malaysia daripada batu kapur dengan ketinggian 600 meter dari paras air. Pulau ini pernah menimbulkan kontroversi apabila menjadi rebutan antara negara Malaysia, Filipina, dan Indonesia di mana isu tersebut di bawah ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (hasilnya Pulau Sipadan diserahkan kepada Malaysia bersama-sama dengan Pulau Ligitan pada tahun 2003) dan insiden penculikan 21 tebusan oleh kumpulan bersenjata Abu Sayyaf.

Dalam pada itu, Pulau Mabul yang terletak lebih kurang 30 KM dari Pulau Sipadan terbahagi kepada perkampungan utama, iaitu Bajau Darat dan Bajau Laut menjadikan unsur-unsur kebudayaan suatu tarikan tambahan kepada pelancong. Perjalanan mengelilingi kampung Bajau Darat ke kampung Bajau Laut telah memberikan beberapa perspektif dan gambaran yang istimewa mengenai tahap sosio-ekonomi dan persekitaran di pulau tersebut. Semenjak resort pelancongan di Pulau Sipadan ditutup demi untuk kelestarian ekosistem pulau serta hidupan indah perairan marinnya, Pulau Mabul memainkan peranan yang signifikan sebagai destinasi persinggahan dan pelbagai aktiviti eko-pelancongan untuk pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara yang ingin berkunjung ke Pulau Sipadan untuk aktiviti penyelaman *scuba* yang paling menarik dan menakjubkan di dunia.

SOROTAN LITERATUR

Pelancongan di Malaysia telah menjadi subjek kajian penting 50 tahun lalu (Spencer & Thomas, 1948), tetapi ialah hanya dalam dekad yang lalu begitu satu fokus lebih jelas telah timbul. Sesetengah sarjana mengkaji pelancongan di Malaysia dalam konteks Southeast-Asian (Franz, 1985). Kajian-kajian yang lain lebih memfokus kepada subjek yang lebih speksifik, misalannya stesen-stesen bukit atau *hill stations* (Reed, 1979), resort-resort berpantai dan masalah hakisan,

impak sosio-budaya (Kedit, 1980), dan impak ekonomi (Hoffmann, 1979; dan Mohd Shahwald *et al.*, 1991), terutamanya di dalam konteks masyarakat multi-budaya di Malaysia (Din, 1982 dan 1984).

Kesan pelancongan lazimnya adalah dikumpulkan ke dalam tiga kategori: ekonomi, sosiobudaya, dan alam sekitar ataupun ekologi (Pearce, 1987). Kesan pelancongan bukan ekonomi (misalannya persekitaran dan sosial) boleh, sama ada positif atau negatif. Bagaimanapun, disebabkan pelancongan sering memporak-peranda sistem-sistem sosial dan alam sekitar di destinasi pelancongan terbabit, kesan bukan ekonomi menjadi negatif pada umumnya. Oleh itu, pengecualian mereka membawa ke penaksiran berlebihan faedah sosial bersih pembangunan pelancongan. Disebabkan pembangunan pelancongan yang berbeza memberikan kesan berlainan, pengecualian boleh juga menjurus pemilihan satu tindakan, iaitu kurang menggairahkan dari segi sosial daripada lorong-lorong alternatif. Anggapan kebajikan masyarakat penokokan itu adalah matlamat program-program pembangunan ekonomi, tidak ekonomi impak patut dihargai dan digabungkan ke dalam membuat polisi berjalan.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh TDC (*Tourism Development Corporation*) untuk memperkasakan lagi industri pelancongan di Malaysia, misalannya melalui penerbitan buku bertajuk *Pembekal Bilik Hotel di Malaysia*, dengan tujuan menarik perhatian pelancong melalui penjelasan-penjelasan seperti kelas-kelas hotel yang boleh dipilih, perbezaan profil perjalanan, dan belanjawan pelancong. Pelancongan merupakan industri yang baru muncul di Malaysia dan secara relatifnya masih lagi merupakan fenomena baru jika di dibandingkan dengan negara jiran seperti Singapura dan Thailand. Kurangnya penekanan ke atas pembangunan pelancongan pada peringkat awal dan tindakan yang pasif daripada Perbadanan Pembangunan Pelancongan Malaysia (TLCM) pada peringkat awal penubuhannya, kebanyakannya adalah disebabkan oleh pembiayaan yang meluas dan kebergantungan Malaysia kepada hasil pendapatan eksport tradisi seperti timah, getah, dan minyak kelapa sawit. Persembahan yang kurang memberangsangkan oleh eksport tradisi ini pada pertengahan era 1980-an, telah memaksa kerajaan Malaysia untuk mempromosikan industri pelancongan pada skala yang lebih besar dan percubaan untuk mencari alternatif eksport dan pada yang sama mengurangkan imbalan pembayaran negatif negara (Oppermann, 1991).

Walaupun aktiviti pelancongan dan jumlah pelancong yang pesat berlaku di Malaysia, namun akibat kepelbagaian golongan pelancong menyebabkan corak perjalanan dan perbelanjaan mereka juga turut berbeza. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan dengan lebih lanjut lagi berkaitan dengan fenomena yang dikaji. Sebelum kajian ini dilakukan telah terdapat beberapa kajian lalu yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain contohnya K.D. Din (1982 dan 1984). Dalam penyelidikan dan atau kajian yang telah dilakukan oleh beliau, di mana beliau cuba melihat dan mengenali tahap kesedaran dan sikap pelancong serta penglibatan mereka dalam corak perjalanan menjalani tugas termasuk juga menentukan potensi pasaran pelancong untuk Malaysia, termasuk peserta di Asia Pasifik.

Dalam memahami dan untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi tentang kajian ini, kajian ini juga turut memuatkan satu lagi kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lain, iaitu oleh M. Oppermann (1991). Tinjauan dalam kajian ini dilakukan sendiri di lokasi kajian. Dalam kajian ini cuba dijelaskan pandangan agen-agen pengangkutan dan operator perjalanan berkaitan Malaysia, iaitu sebagai tempat untuk pelancong. Sejak kebelakangan ini, banyak kajian yang berkaitan dengan status semasa dan potensi untuk pelancong domestik telah dijalankan atau telah dilaksanakan oleh Pusat Penyelidikan dan Pembangunan MARA (Majlis Amanah Rakyat), iaitu pada tahun 1988. Motif utama kajian ini adalah untuk mengenali corak perbelanjaan dan perjalanan pelancong domestik, termasuk juga persepsi Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan. Pada tahun 1989, *Japan International Cooperation Agency* (JICA) telah memulakan tugas dengan merumuskan secara menyeluruh tentang rancangan Pembangunan Pelancongan Kebangsaan. Objektif kajian yang dilakukan oleh JICA ini adalah untuk meningkatkan pendapatan mata wang asing ke negara kita iaitu dengan menggiatkan pembangunan ekonomi di kawasan desa, dengan menjadikan tempat tersebut sebagai sebuah tempat pelancongan.

Pendapatan daripada pengaliran masuk wang asing ke negara ini sebenarnya memberikan pendapatan yang lumayan kepada pengusaha sektor pelancongan, khususnya sektor perhotelan. Kadar penggunaan penginapan secara puratanya mencapai kepada 72.8 peratus, iaitu pertambahan sebanyak 11.1 peratus berbanding dengan 61.7 peratus pada tahun 1989. Sektor pelancongan bukan sahaja dilihat sebagai penambah terhadap nilai eksport, malah ia mampu mengurangkan beban import dan hutang negara. Industri pelancongan telah menawarkan 130 juta peluang pekerjaan bersamaan tujuh peratus daripada semua pekerja di dunia (Din, 1982; dan Alister & Wall, 1991).

Dalam tahun 2000, NEPM (*National Ecotourism Plan Malaysia*) telah mengkategorikan 12 faktor memainkan peranan penting mempengaruhi keputusan pelancong melawat sesuatu destinasi, iaitu harga, imej baik, perkhidmatan, kemasukan, aktiviti lasak, tempat makan, keajaiban alam, eksplorasi, isu persekitaran, perlindungan alam, kesedaran udara, dan pengaruh cuaca.

PENEMUAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam kajian yang dijalankan, kajian ini lebih tertumpu kepada faktor-faktor yang mendorong kemasukan pelancong asing ke Pulau Sipadan, Sabah. Melalui kajian ini, ianya akan mendedahkan sama ada kemasukan pelancong ke Pulau ini disebabkan oleh faktor tarikan atau tolakan. Namun begitu, faktor tarikan lebih dominan berlaku berbanding dengan faktor tolakan. Contohnya yang berlaku di tempat kajian ini, faktor tarikan adalah aktiviti menarik seperti menyelam skuba (*scuba diving*). Ianya merupakan tarikan utama para pelancong dari luar untuk melihat khazanah laut yang indah di dasar laut tersebut. Di dasar laut pulau tersebut terdapat pelbagai keunikan tersendiri yang tidak

menyamai mana-mana pulau di tempat lain. Contohnya penyelam berpeluang untuk melihat banyak ikan *Barracuda* yang membentuk satu putaran yang seumpama *tornado*. Selain itu, penyelam juga dapat melihat pelbagai batuan karang berwarna-warni yang berada di dasar laut.

A. STATISTIK PELANCONG ASING

Kajian ini juga dijalankan untuk mengenalpasti statistik pelancong ke Pulau Sipadan pada tahun 2008. Pelancong-pelancong asing yang datang ke pulau itu datang dari seluruh pelosok dunia.

Jadual 1.2.

Jumlah Penyelam di Pulau Sipadan, Semporna untuk Tahun 2006, 2007, dan 2008

Tahun	2006		Jumlah	2007		Jumlah	2008		Jumlah
Bulan	W.M'sia	B.W.M'sia		W.M'sia	B.W.M'sia		W.M'sia	B.W.M'sia	
JAN	0	0	0	373	3011	3384	373	3252	3625
FEB	0	0	0	169	3143	3312	287	3193	3480
MAC	0	0	0	352	3366	3718	474	3242	3716
APRIL	326	4193	4519	283	3317	3600	239	3361	3600
MEI	356	3368	3724	356	3364	3720	480	3169	3649
JUN	437	2598	3035	346	3248	3594	468	3078	3546
JULAI	340	4485	4825	391	3329	3720	270	3435	3705
OGOS	113	5334	5447	264	3456	3720	246	3472	3718
SEPT	169	3462	3631	245	3355	3600	231	3368	3599
OKT	221	3397	3618	285	3424	3709	402	3318	3720
NOV	320	3086	3406	459	3141	3600	358	3233	3591
DIS	614	2825	3439	571	3134	3705	625	3051	3676
Jumlah	2896	32748	35644	4094	39288	43382	4453	39172	43625

* W.M'SIA = Warganegara Malaysia.

*B.W.N M'SIA = Bukan Warganegara Malaysia.

Sumber: STB (Sabah Tourism Board), 2008.

Untuk tujuan kajian ini, suatu survei dengan mengambil 30 orang responden dari Pulau Sipadan telah dikendalikan. Berikut merupakan hasil analisis tersebut.

B. TUJUAN KEDATANGAN PELANCONG

Daripada N=30 Responden yang ditemubual, n=28 berkunjung ke Sipadan semata-mata untuk keseronokan, n=0 Perniagaan, n=0 Melawat kawan atau saudara, dan n=1 Mengadakan seminar di situ. Dalam kategori-kategori semua yang lain terdapat beberapa bentuk kawalan luar di kelakuan ruang pelawat-pelawat. Jadual lawatan untuk ahli perniagaan, misalnya, adalah sebahagian besar diperintah oleh dia kena jumpa dia rakan-rakan perniagaan. Serupa, destinasi untuk orang melawat dia/kawan-kawan atau saudara maranya

adalah ditentukan oleh tempat kediaman yang dilawati. Pengaruh dari luar ini adalah terbayang dalam perbezaan bilangan tempat-tempat yang dilawati.

Jadual 1.3.

Tujuan Speksifik Kedatangan Pelancong ke Pulau Sipadan (N=30)

Tujuan (Purpose)	Kekerapan
Keseronokan (<i>Pleasure</i>)	28
Perniagaan (<i>Business</i>)	0
Melawat kawan / saudara (<i>Visit friends/relatives</i>)	0
Perhentian bermalam (<i>Stopover</i>)	0
Kerja (<i>Work</i>)	1
Persidangan (<i>Conference</i>)	1
JUMLAH	30

Aktiviti tarikan lain juga adalah termasuk menyelam, belayar, memancing di laut dalam, menyelam di paras, dan juga mengembara.

C. FAKTOR PENYUMBANG KEDATANGAN PELANCONG ASING

Hasil kajian yang telah di jalankan mendapati bahawa faktor utama kedatangan pelancong ke Pulau Sipadan adalah disebabkan oleh keindahan semulajadi yang terdapat di Pulau Sipadan itu sendiri, iaitu sebanyak 40 peratus atau 15 orang responden. Kebanyakan pelancong yang dijadikan responden menyatakan bahawa batu karang yang terdapat di Pulau Sipadan adalah yang tercantik di dunia. Selain itu, Pulau Sipadan juga terkenal dengan spesis ikan yang menghuni perairan di kawasan Pulau Sipadan seperti ikan *Barracuda*.

Jadual 1.4.

Faktor Penyumbang Kedatangan Pelancong Asing ke Pulau Sipadan Tahun 2008

Faktor	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Perbezaan ekonomi (mata wang)	7	23
Keindahan semulajadi	15	40
Kestabilan politik	5	17
Penyelidikan alam marin	3	10
JUMLAH	30	100

Faktor kedua kedatangan pelancong asing ke Pulau Sipadan adalah disebabkan perbezaan ekonomi, iaitu sebanyak 23 peratus atau tujuh orang daripada 30 responden. Faktor ini adalah dari segi nilai mata wang. Hal ini demikian kerana bagi negara-negara Eropah, nilai mata wang mereka adalah lebih tinggi berbanding dengan nilai mata wang Malaysia dan ini dapat menjimatkan kos perbelanjaan sepanjang mereka berada di Pulau Sipadan.

Faktor ketiga yang menyebabkan pelancong tertarik untuk berkunjung ke Pulau Sipadan adalah disebabkan oleh kestabilan politik. Faktor ini mewakili

sebanyak 17 peratus atau seramai lima orang responden. Kewujudan pihak keselamatan di Pulau Sipadan menyebabkan para pelancong berasa yakin akan tahap keselamatan di pulau tersebut. Selain itu kestabilan politik dalaman di Malaysia yang kukuh dan bebas dari sebarang kekacauan juga mendorong kemasukan pelancong asing ke Sabah dan ke Malaysia amnya.

Faktor keempat yang menarik pelancong asing ke Pulau Sipadan pula adalah untuk menjadikan lokasi berkenaan sebagai lokasi penyelidikan. Para penyelidik yang datang ke Pulau Sipadan rata-ratanya adalah untuk mengkaji hidupan alam marin yang terdapat di perairan Pulau Sipadan. Penyelidikan yang dijalankan tertumpu kepada terumbu karang dan beberapa spesis hidupan marin yang lain. Ini adalah disebabkan oleh terumbu karang yang terdapat di pulau tersebut merupakan antara spesis terumbu karang yang tercantik di dunia.

D. RUANG TINGKAH LAKU (SPATIAL BEHAVIOUR) PELANCONG

Dapatan awal yang diperolehi melalui kajian-kajian sarjana lepas mendapati bahawa pelancong lebih gemar menghabiskan wang mereka untuk ke kawasan yang lebih jauh daripada bandar, kerana inginkan kepuasan yang lebih mendamaikan. Tambahan pula, kota metropolitan di bandar-bandar utama Malaysia tidak setanding dengan apa yang ada di negara asal para pelancong yang datang dari Eropah, Jepun, dan Korea Selatan. Dalam penilaian harapan mereka, mendapati bahawa pelancong membandingkan hasil mereka sebenarnya dengan harapan ganjaran yang diharapkan atau ingin diperolehi. Menurut D.G. Pearce (1987) dan Peter Chay (1988), penilaian keseluruhan untuk situasi yang diberikan dipengaruhi oleh darjah harapan yang dapat dilihat dengan harapan dan keinginan hasil daripada setiap aspek relevan pengharapan.

Pertama, Aktiviti Pelancong. Faktor tarikan utama pelancong adalah menyelam (*diving*). Boleh dikatakan bahawa semua yang datang melawat Pulau Sipadan adalah untuk menyelam. Tidak kurang juga yang tidak pandai menyelam tetapi ingin bersiar-siar di kawasan pantai (*beach walk*). Sebahagian daripada pelancong mengiringi ahli keluarga mereka datang bersama (modus perjalanan pelancong – melancong sekeluarga bersama-sama). Sudah menjadi kebiasaan pelancong malah aktiviti paling biasa adalah berjalan-jalan sambil bersantai mengelilingi sekitar pulau. Aktiviti memperhatikan ikan (*fish watching*) dari tepi jeti turut menjadi kegemaran pelancong. Adakalanya aktiviti ini dimeriahkan dengan aktiviti penduduk tempatan memancing ikan (*snorkling*). Secara keseluruhannya, rata-rata pelancong asing berpendapat bahawa pengalaman berkunjung ke Pulau Sipadan amat menggigit hati dan ada juga yang sudah kali kedua mengunjungi Pulau Sipadan.

Kedua, Kos. Keseluruhannya, kadar bayaran yang dikenakan ke atas pelancong untuk menyelam di Pulau Sipadan kelihatan di luar batas kemampuan majoriti rakyat tempatan. Mungkin atas faktor ini jarang-jarang kelihatan pelancong tempatan mengunjungi Pulau Sipadan. Rata-rata

pelancongan yang ditemui adalah dari luar negara, terutamanya negara-negara Eropah seperti Sweden, Poland, dan United Kingdom. Pelancong dari negara-negara Asia yang paling ramai adalah daripada Jepun dan Korea Selatan, tetapi kategori pelancong Asia datang bermusim berbanding dari Eropah yang sepanjang tahun. C. Cooper dan S. Wanhill (1996) menilai salingkaitan antara paras aktiviti pelancongan dengan satu set pembolehubah-pembolehubah “kualiti kehidupan” sebagai sumbangan kepada menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara. Disokong dengan kadar pertukaran yang tinggi, pertukaran wang asing, peluang pekerjaan dalam industri pelancongan, pembinaan, dan perniagaan IKS (Industri Kecil dan Sederhana) membolehkan aktiviti ekopelancongan yang berkaitan dengan alam semula jadi dan keindahan pantai serta pulau boleh dikunjungi sepanjang tahun.

ANALISIS TERPERINCI INDUSTRI PELANCONGAN

Bahagian ini akan menganalisis faktor pemangkin kepada penggalakkan pelancong ke destinasi yang dikaji.

Pertama, Sokongan Sektor Berkaitan. Aktiviti pelancongan tidak mungkin akan dapat berdiri dengan sendirinya tanpa sokongan daripada sektor industri yang lain, terutamanya pengangkutan udara, agensi pelancongan, media, dan sebagainya. Malaysia harus rasa bersyukur kerana wujudnya perkhidmatan penerbangan tambang murah *AirAsia*, malah firma penerbangan tersebut sebenarnya turut menjalankan pelbagai usaha untuk melariskan jualan tiket mereka. Dalam usaha mempromosikan destinasi penerbangan mereka, *AirAsia* telah memperkenalkan tema-tema tertentu untuk destinasi pelancongan mereka, iaitu *Off the Beaten Track*; *Serious Shopping*; *Diving Spots*; *Putting Paradise*; *Sun, Sea, and Sand*; *Cities of Culture*; *Local Delicacy*; dan *Vibrant Night Life*. Menariknya, *AirAsia* mempunyai kategori khas untuk destinasi yang menekankan aktiviti menyelam, tetapi bandar Tawau, iaitu bandar yang paling dekat dengan pekan Semporna, tidak tersenarai bersama-sama dengan Banda Aceh, Manado, dan Labuan.

Kedua, Pergerakan ke Sipadan. Dengan usaha kerajaan untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur dengan memastikan perhubungan pengangkutan darat, laut, dan udara yang tidak berkelemahan untuk keselesaan pelancong di samping perusahaan penduduk tempatan. Seperkara lagi yang menarik diperolehi hasil temubual dengan pelancong ialah mereka melihat kesinambungan pengangkutan untuk ke sesuatu destinasi pelancongan amat penting. Faktor kesinambungan pengangkutan merupakan penentu utama destinasi-destinasi yang bakal dikunjungi mereka. Para pelancong boleh memilih, samada pengangkutan darat mahupun udara ke Tawau sebelum menaiki kenderaan ke Semporna. Rata-rata pelancong tempatan yang ada memilih tiba sehari mahupun beberapa hari lebih awal di Tawau atau Semporna sebelum masuk ke Pulau Sipadan. Berbeza dengan pelancong asing, sebahagiannya memilih menaiki bas sebelah malam dari Kota Kinabalu yang mana perjalanan tersebut hanya tiba menjelang subuh di bandar Tawau

dan dari situ menaiki bas (caj RM 10.00) ke pekan Semporna. Dengan cara ini mereka boleh menjimatkan kos penginapan satu malam.

Ketiga, Pakej. Terdapat variasi yang ketara di antara pengusaha pelancongan di sekitar pekan Semporna sehinggalah pulau-pulau sekitar Sipadan. Pelancongan boleh bertolak secara langsung dari pekan Semporna di awal pagi ke Pulau Sipadan untuk menyelam. Pengusaha-pengusaha tempatan berkecenderungan meletakkan harga pakej terus untuk dipilih pelanggan masing-masing tetapi pengusaha pelancongan asing, khususnya dari Australia, menawarkan pakej mengikut apa yang ingin dilihat dan pengalaman yang ingin diperolehi oleh pelanggannya. Ini juga mendedahkan pakej yang *ready made* tidak semestinya menarik perhatian meskipun sesetengah pihak mungkin akan beranggapan bahawa perkhidmatan yang diperlukan boleh diperolehi pada kadar caj lebih murah jikalau dalam bentuk pakej. Ini berdasarkan kecenderungan sebahagian besar pelancong asing memilih perkhidmatan asas sahaja. Sebagai misalannya, mereka lebih suka menyewa rumah tumpangan (*lodging house*) dengan kadar caj sekitar RM 20.00 sekati untuk semalam berbanding sewa bilik hotel. Suasana yang meriah sambil minum-minum dan berkenalan dengan kawan baru juga menjadi tarikan utama pelancong.

Keempat, Kemudahan Penginapan. Pelancong tidak menghadapi sebarang permasalahan memilih jenis penginapan yang ingin diperolehi berdasarkan harga mahupun konsep penginapan yang ditawarkan. Tempat tidur berdasarkan katil lebih popular di kalangan pelancong asing. Pengusaha dari Australia, misalannya, menawarkan penginapan berdasarkan satu katil berapa harga, manakala pengusaha tempatan mengenakan bayaran berdasarkan bilik. Namun demikian, sebagaimana menurut D.G. Pearce (1987), sungguhpun statistik pelanggan yang menghuni hotel pada waktu malam menjadi petunjuk yang bagus akan erti penting industri pelancongan di kawasan yang berbeza, mereka tidak menunjukkan betapa penting suatu destinasi tersebut dalam lingkungan “keseluruhan perjalanan” pelancong. Satu lagi kelemahan adalah tidak mengambilkira bentuk-bentuk penginapan lain, misalannya tapak-tapak perkhemahan dan kediaman kawan-kawan atau saudara mara. Dalam perhotelan konteks Malaysia, statistik memberikan suatu gambaran yang tepat berkenaan kebanyakan pelancong-pelancong antarabangsa dengan berdasarkan rekod-rekod penginapan di hotel, iaitu penginapan pelancong yang paling penting. Meskipun demikian, terdapat juga penginapan yang berorientasikan lebih bajet, dan peratusan mereka semakin bertambah dan mungkin sangat signifikan di lokasi-lokasi tertentu (TDC, 1989a dan 1989b).

FAEDAH DAN IMPLIKASI INDUSTRI PELANCONGAN

Perkembangan mana-mana kawasan untuk industri pelancongan bermatlamatkan untuk membawa faedah, tetapi dalam masa yang sama sukar untuk menolak implikasi negatif yang datang bersama. Bahagian ini akan membincangkan kesan positif dan negatif perkembangan industri pelancongan di pulau-pulau berdekatan pekan Semporna.

A. PENYUMBANG KEPADA SUMBER PENDAPATAN KERAJAAN NEGERI DAN PENDUDUK

Jika dilihat dari segi aspek positif, industri pelancongan antara industri yang sangat berpotensi sebagai salah satu sumber pendapatan kepada kerajaan negeri, seterusnya kepada sumber pendapatan negara. Langkah bijak kerajaan dalam memberi tumpuan yang besar terhadap industri pelancongan ini dengan menyediakan pelbagai langkah, selain usaha yang diambil dalam meningkatkan kemudahan dan pelbagai jenis aktiviti pelancongan di negara ini merupakan langkah bijak yang harus mendapat pengiktirafan semua pihak. Lembaga Pelancongan Sabah, sebagai contoh, telah berjaya menarik lebih ramai pelancong asing datang ke Sabah sehingga sub-sektor pegangkutan, runcit, perhotelan, dan gerai makan seperti restoran telah menyumbang sekitar 21 peratus daripada 50.9 peratus sumbangan sektor perkhidmatan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2001 untuk negeri Sabah (SGS, 1995; dan STB, 2008). Pencapaian ini dilihat adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pencapaian dalam peringkat nasional bagi tahun yang sama.

Pertama, Pertumbuhan Resort. Kewujudan resort seperti *Borneo Divers* di pulau Mabul, Kapalai, dan sekitarnya termasuk di Semporna telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan di situ. Sebagaimana menurut B. Pirjevic (1989), sektor pekerjaan di hotel tidak memerlukan kemahiran dan kelulusan yang tinggi kerana tersedianya latihan sambil bekerja. Hasil temubual menunjukkan bahawa *Borneo Divers*, umpamanya, mengupah belia tempatan bekerja di resort tersebut dengan gaji permulaan sekitar RM 300.00 sebulan. Upah tersebut boleh mencecah ke lingkungan RM 700.00 berdasarkan tempoh perkhidmatan dan pengalaman kerja. Penduduk tempatan dari Pulau Mabul itu sendiri menjadi keutamaan pemilihan pekerja resort kerana sebagaimana mengikut penemuan-penemuan kajian yang pernah dilakukan E. de Kadt (1979) dan A. Williams dan G. Shaw (1988) menunjukkan bahawa pekerjaan di sektor perhotelan menuntut waktu yang lebih panjang dan secara bergilir-gilir menyebabkan peluang pekerjaan secara bermusim. Pengusaha resort berpendapat bahawa keadaan waktu yang panjang ini ataupun waktu kerja luar biasa berkemungkinan mencetuskan konflik (faktor kekeluargaan).

Peluang pekerjaan di dalam sektor perhotelan umumnya, jikalau ditunjukkan dalam carta piramid pekerjaan, mempamerkan majoritinya terdiri daripada pekerjaan yang tidak memerlukan kemahiran yang tinggi (Cooper & Wanhill, 1996). Justeru itu, peluang terbuka luas kepada orang ramai untuk terlibat sama. Sungguhpun sarjana-sarjana seperti A. Williams dan G. Shaw (1988:91) pernah mengaitkan pekerja-pekerja dalam sektor perhotelan dengan kenyataan-kenyataan seperti kurang berpelajaran kerana majoriti pekerja dalam sesebuah hotel tidak memerlukan pendidikan yang tinggi, kurang bermotivasi disebabkan bayaran gaji yang tidak seberapa, tidak terlatih kerana tidak memerlukan berkemahiran spesifik mahupun kurang produktif, ia

sebenarnya masih memberikan pendapatan yang lumayan kepada penduduk tempatan yang sedia menceburi bidang tersebut.

Kedua, Perusahaan Perlancongan oleh Anak Tempatan. Pelancongan merupakan suatu aktiviti yang cukup mudah diceburi yang semakin popular dan segelintir menjadikannya sebagai aktiviti masa lapang sahaja untuk memperolehi pendapatan tambahan, khususnya melalui agensi pelancongan, pemandu pelancong, penganjur (*promoter*) dengan membantu memperkenalkan produk-produk tertentu.

Kewujudan aktiviti pelancongan di sesebuah kawasan sememangnya membawa kepada pertumbuhan dalam pelbagai jenis sektor dalam proses pembangunan di kawasan-kawasan sekitar kepulauan Sipadan secara amnya. Hasil daripada perkembangan aktiviti pelancongan tersebut wujudnya pelbagai sektor perkhidmatan seperti wujudnya rumah-rumah rehat, hotel, servis, perniagaan kraftangan selain pertumbuhan pusat atau agen-agen pelancongan. Hasil daripada pertumbuhan pelbagai sektor yang berikut, peluang pekerjaan akan berjaya diwujudkan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Penduduk tempatan berpeluang memperolehi gaji sekitar RM 300.00 hingga RM 700.00 untuk bekerja di resort di Pulau Mabul misalannya. Penduduk di situ secara teorinya akan bertumpu di sesebuah kawasan yang banyak menawarkan peluang pekerjaan yang banyak. Hasil daripada pertumbuhan pelbagai jenis perkhidmatan yang disediakan tersebut menyebabkan penduduk akan bertumpu di kawasan Tanjung Aru untuk mendapatkan pelbagai peluang pekerjaan dan seterusnya akan menetap di kawasan tersebut walaupun dalam jangka masa pendek atau sementara sahaja. Namun, kesan daripada tumpuan penduduk tersebut menyebabkan bilangan penduduk akan bertambah yang akan memberikan kesan kepada kawasan tersebut dari segi kepesatan pertumbuhan penduduk dan seterusnya akan berkembang dan terus berkembang. Hal ini secara langsung, ia akan mengurangkan kadar pengangguran dan kadar kemiskinan di kawasan tersebut. Secara langsung hal ini akan mengatasi masalah kemiskinan dan pengangguran, walaupun tidak secara total.

Dari segi aktiviti perniagaan pula, terutamanya kepada peniaga-peniaga kraftangan *ala* tempatan, menarik lebih ramai pengunjung atau pelancong asing dan secara langsung akan memberikan pulangan yang lumayan terhadap peniaga atau pemilik gerai tersebut. Tambahan pula, ruang makan tersebut akan memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk yang berada di kawasan berdekatan. Dan ini sekaligus selaras dengan isitilah melengkapkan setiap negeri dengan pengetahuan intensif tentang industri-industri yang boleh menembusi sektor-sektor seperti perkilangan, agrikultur, dan pelancongan menerusi perkhidmatan yang baik, seterusnya membolehkan setiap sektor tersebut berkembang menjangkau potensi yang tersendiri.

Ketiga, Aktiviti Komersil. Membuka peluang kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS), khususnya aktiviti penjualan hasil kraftangan yang

berkonsepkan hidupan laut. Pemerhatian ikut serta sekitar Pulau Mabul mendapati hanya tiga gerai menjual cenderahati yang terdapat di atas Pulau Mabul dan itupun salah satu daripadanya diusahakan oleh usahawan dari negeri Perak. Justeru itu, ia adalah penting untuk pemasar pelancongan memahami dengan lebih baik apa yang membolehkan sesuatu destinasi menjadi tempat untuk percutian, dan bagaimana produk atau perkhidmatan mereka diterima.

Keempat, Sektor Perkhidmatan. Kemudahan penginapan merupakan medium yang sangat penting kepada sesebuah kawasan yang terkenal dengan pusat pelancongan. Oleh sebab itu, perkhidmatan jenis penginapan turut menjadi keperluan perkhidmatan yang ditawarkan, terutamanya di sekitar pekan Semporna. Perkhidmatan yang disediakan ini adalah bertujuan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelancong yang ingin menyelam di Sipadan terutamanya; bot pelancong yang ulang-alik dari pekan Semporna ke pulau-pulau berdekatan; hotel/ rumah tumpangan untuk memudahkan penginapan para pelancong asing. Hal ini juga lanjutan daripada sosio-budaya di kawasan kajian yang mempunyai sosio-budaya yang sedikit berbeza dengan kawasan lain dan terdapat pusat hiburan seperti pusat karaoke, pub, dan *Cafe Lounge* yang disediakan kepada para pelancong yang inginkan hiburan pada sebelah malam.

Agensi-agen pelancongan di sekitar Semporna memiliki perkhidmatan yang cekap. Perkhidmatan ini ditawarkan bagi tujuan memberikan perkhidmatan perjalanan pelancongan kepada para pelancong yang datang. Hal ini adalah kesan langsung hasil tarikan pelancongan – menjadi tumpuan ramai pelancong asing menyebabkan pelbagai jenis perkhidmatan yang ditawarkan yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan. Antara agensi pelancongan yang beroperasi adalah Borneo Tropical Sea-Tours Sdn. Bhd.

Kelima, Perkembangan Sistem Perhubungan dan Jaringan Jalan Raya. Dari segi perkembangan sistem perhubungan dan jaringan jalan raya, perkembangan ini dapat dilihat dari segi pembinaan jaringan jalan raya. Hal ini disebabkan pembinaan jalan raya yang berturap menyebabkan sub-indeks dalam pembangunan jalan raya adalah meningkat. Sub-indeks dalam pembangunan jalan raya tersebut adalah berdasarkan kepada jumlah ukuran jarak jalan raya, luas kawasan, dan bilangan atau jumlah penduduknya. Peningkatan sub-indeks pembangunan jalan raya tersebut menunjukkan bertambahnya rangkaian jalan raya yang mampu menghubungkan antara Semporna, Tawau, dan dengan tempat-tempat lain.

Pembangunan sistem rangkaian jalan raya, khususnya yang mampu menghubungkan kawasan-kawasan bandar, akan dapat kemudahan untuk penduduknya dan sesiapa sahaja untuk bergerak dengan mudah dan perhubungan adalah semakin mudah. Sistem pengangkutan seperti jaringan jalan raya merupakan satu asas dalam menyalurkan pelbagai maklumat dan idea yang berguna untuk tujuan pembangunan dan melalui sistem pengangkutan yang cekap, proses penyebaran dan penularan maklumat akan

berlaku dengan lebih baik. Selain daripada itu, penduduk di sekitar kawasan tersebut dapat diberikan kesedaran dalam usaha mendedahkan mereka kepada unsur-unsur pembaharuan dan pembangunan dengan lebih cepat dan efisien. Dengan cara ini perubahan sikap daripada bercorak tradisional kepada corak pemikiran yang lebih moden, iaitu progresif dan inovatif untuk menerima aspek pemodenan.

B. IMPAK SOSIAL DAN ANCAMAN

Hasil usaha sorotan literatur untuk sepanjang tiga dekad yang lalu telah mengidentifikasi banyak impak datang beriringan dengan pembangunan pelancongan, dengan impak umum yang dilihat sebagai positif dan dengan impak sosial dan persekitaran secara umumnya dilihat sebagai negatif. Kajian ini menunjukkan penemuan yang lebih kurang sama, iaitu perkembangan industri pelancongan di Pulau Sipadan membawa bersama pro dan kontranya. Kajian signifikan (Pearce, 1987; Buckley, 2000; dan Gossling, 2003) telah diambil untuk menilai impak sosial, yang menjelaskan secara meluas kepada tujuan artikel ini, iaitu untuk memasukkan impak sosio-budaya dan sosio-fizikal.

Pembangunan yang amat ketara yang berlaku di sekitar kepulauan Pulau Sipadan (impak) daripada aktiviti pelancongan adalah pembangunan dari segi sosio-ekonomi kawasan sekitarnya. Hal ini dibuktikan dengan pertumbuhan rancak resort-resort yang secara langsung pertumbuhan ini akan membawa kepada proses pembandaran pekan Semporna. Selain itu, proses pembangunan yang berlaku di kawasan sekitar kepulauan Sipadan telah memberikan keseimbangan kepada proses pembangunan sosio-ekonomi antara pekan Semporna dan semua pulau-pulau berdekatan Sipadan. Sebagai contoh, keunikan pulau Sipadan sebagai destinasi menyelam telah mendorong pertumbuhan resort dan peniaga-peniaga runcit kraftangan di Pulau Mabul dan Kapalai. Hal ini secara langsung akan memudahkan penduduk sekitarnya dalam melakukan urusan jual beli barangan keperluan tanpa bersesak di pekan Semporna. Selain itu, terdapat juga kemudahan agen pelancongan di pekan Semporna, terutamanya bagi kemudahan penduduk sekitar dan para pelancong yang memerlukan perkhidmatan dalam urusan perjalanan pelancongan. Aktiviti pelancongan secara tidak langsung amat mempengaruhi dari segi sosio-budaya terhadap ruang yang ada dalam kawasan sekitar. Hal ini dapat dibuktikan dengan pembangunan dari segi kemudahan infrastruktur yang sentiasa wujud pembinaannya.

Paling sedikit wujud dua ancaman terhadap aktiviti pelancongan, samada dalam masa jangka pendek mahupun jangka panjang. Ancaman berkenaan adalah seperti berikut:

Pertama, Aktiviti Perikanan. Aktiviti perikanan di sekitar kawasan tersebut dengan pukot dikhuatiri akan menjejaskan keindahan alam dan flora di situ dalam jangka panjang. Penangkapan ikan sewenang-wenangnya akan menyebabkan bilangan ikan semakin berkurangan. Kesan negatif pukot yang digunakan berdasarkan temubual dengan penduduk tempatan mendedahkan

bilangan ikan yang boleh dilihat telah jauh berkurangan. Penggunaan bom ikan dan sodium oleh penduduk tempatan sebenarnya tidak kurang juga impak negatifnya kerana menyebabkan kemusnahan jangka panjang yang lebih buruk terhadap struktur dasar laut (terutamanya kawasan cetek yang berpotensi besar untuk aktiviti *sea sightings*) dan kedinamikan ekosistem di kawasan tersebut yang meletakkan Pulau Sipadan di peta dunia. Fenomena ini dapat dilihat melalui kerosakan tumbuhan karang.

Kedua, Pencemaran dan Usaha Menjaga Kebersihan (Jangka Panjang).

Ketiadaan sistem kumbahan dan pembuangan sampah sarap yang terancang dikhuatiri akan menjejaskan keindahan pulau-pulau tersebut dalam jangka masa panjang. Lebih penting adalah soal kebersihan dan keselamatan (bebas dari penyakit) dalam jangka masa panjang. Pengusaha-pengusaha resort tempatan, misalannya, mengepam najis terus ke dalam laut dan selalunya terapung-apung di sekitar kawasan resort. Begitu juga dengan sampah sarap yang dibuang terus ke dalam laut dari tingkap. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan rasa tidak selesa di kalangan penginap (pelancong) yang menyewa kawasan tersebut, malah menyebabkan pelancong keberatan turun ke laut bermain air laut di sekitar kawasan resort.

CADANGAN

Pertama, Cadangan Pengurusan. Seksyen ini akan mengkaji semula implikasi-implikasi data *faunal* bagi pengurusan taman. Permasalahan utama pengurusan pulau-pulau peranginan (terutama Sipadan) pada waktu ini, ialah Pulau Sipadan belum dienakmenkan untuk diuruskan oleh Sabah Park. Keterlibatan Sabah Park kini hanyalah mengutip permit mengunjungi pulau Sipadan. Buat masa ini, pelancong yang ingin memasuki pulau Sipadan memerlukan kelulusan permit buat masa ini. Pihak Taman Negara mahupun mana-mana pihak yang berkenaan menyediakan sebuah pelan pengurusan yang lebih sistematik. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh perebutan kepulauan tersebut di antara Malaysia dan Indonesia yang baru diputuskan Mahkamah Antarabangsa pada 17 Disember 2002. Usaha perlantikan pihak yang bertanggungjawab menguruskan taman tersebut sedikit sebanyak disukarkan oleh pembahagian kuasa di antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri memandangkan dalam jadual II, Perlembagaan Persekutuan ada dinyatakan soal berkenaan dengan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri yang sekarang ini masih belum diputuskan.

Menambahkan lebih banyak kemudahan asas dan kelengkapan yang diperlukan agar pelawat dapat menikmati keistimewaan kepulauan berdekatan tanpa rungsg tentang keperluan-keperluan yang perlu disediakan. Sistem perkumbahan juga dirasakan perlu dititikberatkan untuk menjamin kualiti perkhidmatan dan pembangunan yang diharapkan dalam jangka masa panjang, kerana menyalurkannya ke dalam laut bukan suatu cara yang baik. Infrastruktur yang boleh disediakan termasuklah insentif fiskal, subsidi, projek yang dibiayai kerajaan, dan mewujudkan lebih banyak destinasi pelancongan dalam negara.

Kedua, Peranan Kerajaan. Kerajaan harus memperuntukkan insentif-insentif tambahan untuk membantu pengusaha-pengusaha pelancongan Bumiputera, terutamanya samada dari segi bantuan pinjaman kewangan, memperbanyakkan kemudahan infrastruktur, serta pelbagai aktiviti yang menjadi tarikan pelancong. Kerajaan juga harus mempertingkatkan usahasama dengan negara-negara luar jikalau serius memandangkan perkara ini. Perhatian seumpama ini akan mampu mengubah keadaan yang sedia ada seperti dengan menambahbaikkkan kelengkapan yang sedia ada, baik dari segi kemudahan infrastrukturnya, sistem pengangkutan, ataupun sistem perhubungannya.

Insiden penculikan pelancong dari pulau Sipadan sedikit sebanyak mencalar imej baik destinasi tersebut sebagai pusat pelancongan. Sungguhpun kehadiran Pasukan Gerak Am (PGA) di pulau itu sejak insiden berlaku adalah bermatlamat untuk mengukuhkan keselamatan negara memandangkan ia berada hampir di garis sempadan negara jiran Filipina dan bagi mengelakkan perkara ini berulang kembali, tetapi hal ini menyebabkan para pelancong yang berkunjung berasa kurang selesa dan objektif untuk melancong dan merehatkan fikiran tidak begitu tercapai.

Prospek – berpanduan perkembangan semasa – penaiktarafan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA, *Kota Kinabalu International Airport*), perkhidmatan penerbangan langsung dari Kota Kinabalu ke Tawau oleh AirAsia dan MAS (*Malaysian Airline Service*), perkembangan industri pelancongan di Sabah berada di landasan yang betul. Ini boleh dikaitkan dengan Polisi Pelancongan Sabah 1995-2010 yang mana antara lain mensasarkan peningkatan jumlah dan julat destinasi penerbangan antarabangsa langsung ke Kota Kinabalu; usaha mengurangkan kos penerbangan ulang-alik dari Semenanjung Malaysia; meningkatkan kualiti tenaga pekerja melalui skim latihan; meningkatkan kemudahan pelancongan yang sedia ada dan perkhidmatan untuk mewujudkan persekitaran yang bersih dan peramah; meningkatkan penyelidikan pada keunikan flora dan fauna untuk menyediakan lebih banyak maklumat kepada pelancong dan kumpulan pendidikan; keterlibatan daripada Kementerian Perlancongan; membangunkan infrastruktur asas termasuk kemudahan elektrik dan bekalan air dan memperuntukkan jalan raya, begitu juga menambahbaik dan memperbesarkan pelabuhan dan lapangan terbang; dan mempertingkatkan daya tarikan klimaks pelaburan untuk pelabur asing.

Ketiga, Kemudahan Penginapan yang Lebih Ekonomi di Atas Pulau. Kerajaan boleh mempertimbangkan pengenalan konsep *homestay* yang berlatarbelakangkan kehidupan kampung di pulau-pulau seperti Pulau Mabul. Resort atas pulau yang sedia ada terlalu mahal bagi pelancong tempatan, manakala yang dimiliki penduduk tempatan kelihatan tidak terurus dengan baik, terutama dari segi pembentungan dan pelupusan sampah sarap. Kerajaan negeri Sabah sebelum ini telah memperkenalkan *Borneo Natives Homestay* di Kiulu sebagai pusat *homestay*. Konsep *homestay* ini merujuk kepada sebuah kawasan perkampungan yang terpencil atau jauh dari pusat bandar yang

telah dijadikan sebagai tempat atau pusat tumpuan pelancong berikutan wujudnya ciri-ciri menarik seperti suasana yang damai dan mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Melalui konsep *homestay* tersebut, pelancong bukan sahaja merasai sendiri budaya kampung tersebut malahan sepanjang percutian mereka, pelancong bukan sahaja akan melawat keindahan landskap pulau tersebut tetapi semestinya ingin membawa balik cenderahati sebagai kenang-kenangan. Sungguhpun demikian, pihak-pihak yang terbabit haruslah memperbaiki dahulu kemudahan infrastruktur di pulau tersebut agar kemudahan yang lebih selesa serta lengkap dapat dinikmati pengunjung.

Keempat, Pengezonan Kawasan. Pengezonan kawasan adalah untuk mengekalkan kelangsungan populasi hidupan laut. Mengambil contoh usaha Taman Negara Batang Ai, Sarawak yang mengezonkan taman tersebut kepada lima zon, iaitu Zon Cora Primat (*Primate Core Zone*), Zon Rekreasi Luar (*Outdoor Recreation Zone*), Zon Penggunaan Intensif (*Intensive Use Zone*), dan Zon Primitif (*Primitive Zone*). Zon Cora adalah habitat bagi semua primat dan orang utan mempunyai kepadatan paling tinggi di zon tersebut. Zon Rekreasi Luar merupakan zon yang paling tinggi kekerapannya di lawati pelancong. Kawasan tersebut harus dibuka kepada pelawat tetapi perlu ada permit dan panduan sebelum memasuki zon tersebut. Manakala Zon Intensif adalah kawasan untuk pembangunan, dan Zon Primitif adalah zon yang menjalankan aktiviti rekreasi seperti seminar, lawatan sahaja, atau *snorkling* tanpa melibatkan aktiviti menyelam umumnya lebih banyak di resort dan tepi pantai (*sunbath*) sahaja.

Kelima, Kawalan Aktiviti Penangkapan Ikan. Sewajarnya aktiviti penangkapan ikan di sekitar kawasan berdekatan harus dikawal jikalau ingin mengekalkan kepulauan di sekitar kawasan tersebut sebagai destinasi pelancongan. Kajian lalu mendedahkan bahawa permasalahan utama yang dihadapi oleh sektor perlancongan ialah *sustainability* sambutan pelancong ke atas sesuatu kawasan tersebut sebagai destinasi pelancongan. Ikan yang menjadi tarikan utama kehadiran pelancong jika semakin berkurangan, natijahnya cukup jelas dan mudah, iaitu minat pelancong mahupun pengusaha pelancongan mempromosikan destinasi tersebut akan merosot.

Keenam, Kajian Masa Akan Datang. Sehingga kini, hanya sedikit penekanan telah ditumpukan kepada aliran perjalanan intra-negara, iaitu suatu “unsur dinamik”. Ini barangkali bukan disebabkan oleh kesukaran-kesukaran memperolehi maklumat relevan tetapi “lebih penting kerana bidang pengembaraan intra-negara baru sahaja mengiktiraf paten pelancongan tersebut” (Pearce, 1987:80). Sesungguhnya, pengkaji terpaksa mengakui bahawa kerja lapangan terhad dan dicadangkan turun ke lokasi lagi untuk kajian lebih terperinci kerana banyak lagi maklumat yang boleh dicungkil, misalannya lokasi-lokasi yang dikunjungi, jangka waktu lawatan pelancong dengan tujuan lain. Begitupun, kajian ini dipercayai boleh dijadikan sebahagian rujukan untuk kajian-kajian yang lebih terperinci di masa akan datang.

SIGNIFIKAN KAJIAN

Umumnya, pelancongan merupakan sumber pendapatan penting bagi Malaysia. Kajian yang dijalankan berkepentingan untuk menarik lebih ramai lagi pelancong asing untuk datang ke Pulau Sipadan dan Malaysia amnya. Kedatangan pelancong luar negara dapat menambahbaik keadaan ekonomi negara. Kemasukan pelancong ini juga akan menambah pendapatan negara melalui kadar tukaran wang asing. Menurut laporan RMK-9 (Rancangan Malaysia ke-9) 2006-2010, pendapatan tukaran asing meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan purata 12.4 peratus daripada RM 17.3 billion kepada RM 31.0 billion pada tahun 2005.

Jadi, secara tidak langsung kedatangan pelancong ke Pulau Sipadan dapat memberi sumber pendapatan melalui pekerjaan kepada penduduk tempatan. Sebagai contoh, pengurus resort atau pemandu bot. Selain itu, kedatangan pelancong asing dapat membantu mempromosikan negara Malaysia, terutamanya dalam eko-pelancongan seperti yang terdapat di Langkawi, Borneo, dan khususnya di Pulau Sipadan. Keunikan Pulau Sipadan akan menyebabkan pelancong asing datang kembali ke pulau tersebut dan membawa bersama keluarga atau lebih ramai rakan mereka. Kelebihan pulau tersebut juga menjadikannya sebagai tempat *menyelam skuba* yang terkenal di serata dunia. Dengan bantuan promosi seperti *Cuti-cuti Malaysia, Think Tourism*, dan melalui media seperti internet, keunikan Pulau Sipadan dapat disebar dengan meluas ke serata dunia. Dengan ini, kedatangan pelancong, terutamanya dari luar negara, akan bertambah dari tahun ke tahun.

Pelancong merupakan tetamu negara yang seharusnya diberi penghargaan dan perlu diraih dengan sewajarnya kerana tanpa disedari bahawa mereka sebenarnya akan mengeluarkan perbelanjaan yang banyak sepanjang tempoh keberadaan mereka di negara ini. Hal ini secara langsung akan memberi sumbangan yang sangat besar, khususnya kepada aliran pendapatan sesuatu kawasan selain kepada negara ini amnya.

Industri pelancongan kini adalah antara tiga industri penyumbang utama kepada kekuatan fiskal negara selepas sumber petroleum dan perindustrian. Pelancongan dilihat sebagai satu indikator utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah kawasan atau negara, selain menyediakan banyak peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Oleh sebab itu adalah wajar untuk sesebuah negara, khususnya negara Malaysia, memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk membangunkan industri pelancongan ini. Peruntukan yang besar bagi tujuan membangunkan industri pelancongan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) merupakan langkah bijak kerajaan Malaysia dalam memperlihatkan betapa seriusnya dan optimisnya kerajaan Malaysia untuk menjadikan industri pelancongan sebagai medium utama kepada percaturan untuk memperkembangkan ekonomi negara.

Pendedahan tabiat perbelanjaan pelancong asing yang sebahagian besarnya tidak suka pada pakej percutian yang merangkumi penginapan (sebahagian besar pelancong lebih suka sewa katil berbanding bilik hotel) dan aktiviti-aktiviti percutian merupakan sesuatu yang harus diberikan perhatian oleh penguasa perlancongan tempatan. Dalam masa yang sama, *sustainability* penglibatan daripada kerajaan untuk mempertingkatkan (*enhance*) industri perlancongan juga haruslah konsisten. Jika atributnya adalah konsisten dengan persepsi pelancong, dan dengan itu menyumbang kepada kepuasan pelanggan, buah mulut yang positif daripada pelancong apabila mereka balik ke negara asal mereka turut membantu sebagai sebahagian daripada publisiti dan pengekalannya pelanggan. S. Gossling (2003) pernah mendedahkan bahawa semakin menggalakkan persepsi, semakin tinggi besar kemungkinan pemilihan destinasi itu semula berbanding destinasi-destinasi lain.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Pulau Sipadan merupakan salah satu pusat perlancongan yang berpotensi tinggi dalam sektor ketiga dan semakin berkembang berikutan dengan pertambahan jumlah pelancong yang masuk ke pulau tersebut. Kami juga mendapati bahawa Pulau Sipadan masih boleh dibangunkan lagi. Penambahan kemudahan-kemudahan seperti tandas, rumah rehat, dan pusat kesihatan juga dapat menarik lagi pelancong luar ke sini. Pemahaman yang lebih baik juga ke atas kesan-kesan tersebut akan memudahkan lagi kerjasama dalam proses penggubalan polisi demi melengkapkan setiap negeri dengan pengetahuan intensif tentang industri-industri yang boleh menembusi sektor-sektor seperti perkilangan, agrikultur, dan perlancongan menerusi perkhidmatan yang baik, seterusnya membolehkan setiap sektor tersebut berkembang menjangkau potensinya yang tersendiri.

Selain itu, usaha-usaha daripada kerajaan dan pihak swasta amat diperlukan. Campur tangan daripada dua kuasa besar ini mampu untuk meningkatkan lagi ekonomi negara. Promosi yang dijalankan secara berterusan menjadi pendorong kepada peningkatan perkhidmatan sektor ini. Ekonomi negara yang konsisten mampu memacu negara menjadi sebuah negara maju dan dapat menyelesaikan masalah dengan mudah, terutamanya seperti fenomena kegawatan ekonomi negara yang pernah melanda dunia pada akhir tahun 1997 hingga 2000.

Bibliografi

- Alister, Mathison & Geoferry Wall. (1991). *Pelancongan: Impak Ekonomi, Fizikal, dan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buckley, R. (2000). *A Framework of Ecotourism*. Griffith, Australia: Griffith University.
- Cooper, C. & S. Wanhill. (1996). *Tourism*. London: Pitman.
- De Kadt, E. (1979). *Tourism: Passport to Development*. Oxford: Oxford University Press.
- Din, K.D. (1982). "Tourism in Malaysia: Competing Needs in a Plural Society" dalam *Annal of Tourism Research*, 9, ms.453-480.
- Din, K.D. (1984). "Tourist Regions and Development Problems in Malaysia" dalam *Ilmu Alam*, 12 & 13, ms.65-82.
- Din, K.D. (1986). "Differential Ethnic Involment in the Penang Tourist Industry: Some Policy Implications" dalam *Akademika*, 29, ms.3-20.
- DS [Discovering Sabah]. (2001). *Natural History Publications: Borneo*. Kota Kinabalu: t.p.
- Emma binti Tingkas. (2007). "Komunikasi Pengurusan: Gaya Komunikasi di Kalangan Pengurus Wanita, Satu Kajian Kes PERKESO". *Tesis Master Tidak Diterbitkan*. Kota Kinabalu: Sekolah Sains Sosial UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- Franz, J.C. (1985). "Pattaya, Penang, Bali: Asia's Leading Beach Resorts" dalam *Tourism Recreation Research*, 16, ms.542-563.
- Gossling, S. (2003). *Tourism and Development in Tropical Islands: Political Ecology Perspectives*. Bodmin, Cornwall: MPG Books Ltd.
- Hoffmann, N. (1979). *A Survey of Tourism in West Malaysia and Some Socio-Economic Implications*. Singapore: Research Notes and Discussion Series ISEAS [Institute of South East Asian Studies].
- Jafar Jafari. (2000). *Encyclopedia of Tourism*. London and New York: t.p.
- Jennifer Kim Lian Chan & Balvinder Kaur Kler. (2001-2002). "Working in the Tourist Sector: The Case of Women Employees of Hotel Kinabalu, Sabah" dalam *Jurnal Kinabalu*, Bil.7 & 8.
- Kedit, P.M. (1980). *A Survey on the Effects of Tourism on Iban Longhouse Communities in the Skrang District, Second Division, Sarawak*. Kuching, Sarawak: Sarawak Museum Field Report, No.2.
- Michael Patrick Wong. (1996). "Sipadan Borneo's Underwater Parade" dalam *Sabah: Natural History*. Kota Kinabalu, Sabah: Publication (Borneo) Snd. Bhd.
- Mohd Shahwald *et al.* (1991). "Tourism Travel and Expenditure Profil in Malaysia: An Overview" dalam *Akademika*, 39, ms.151-169.
- NEPM [National Ecotourism Plan Malaysia]. (2000). *Current Status of Ecotourism in Malaysia, Part 4*. Kuala Lumpur: NEPM.
- NPWO [National Parks and Wildlife Office]. (1984). "A Proposal to Constitute Batang Ai National Park in the Second Division of Sarawak". *Unpublished Report*. Kuching, Sarawak, Malaysia: National Parks and Wildlife Office.
- Oppermann, M. (1991). "Tourism in Malaysia: The Spatial Difference" dalam *Ilmu Alam*, 20, ms.67-80.
- Pearce, D.G. (1987). *Tourism Today: A Geographical Analysis*. London: Longman.
- Peter Chay. (1988). *Sabah Below the Wind*. Kota Kinabalu: Foto Teknik Sdn. Bhd.
- Pirjivic, B. (1989). "Manpower as a Tourism Development Factor" dalam *Acta Turista*, 1(1), ms.108-114.
- Reed, R.R. (1979). "The Colonial Genesis of Hill Stations: The Genting Exception" dalam *Geographical Review*, 69, ms.463-468.
- Rodrigo, J. (2000). *The Beautiful Malaysia*. Leiden, Netherlands: New Holland (Publishers) Ltd.
- Rogayah Anak Lian. (2007). "Persepsi Pelawat Terhadap Taman Bukit Tawau sebagai Lokasi Ekopelancongan". *Tesis Master Tidak Diterbitkan*. Kota Kinabalu: Sekolah Sains Sosial UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- Sabah Borneo. (1993). *Insight Pocket Guides*. Kota Kinabalu: APA Publication (HK) Ltd.
- SGS [State Government of Sabah]. (1995). *Outline Perspective Plan Sabah, 1995-2000*. Kota Kinabalu: SGS.
- SGS [State Government of Sabah]. (1996). *Sabah Tourism Masterplan*. Kota Kinabalu: SGS.

- Spencer, J.E. & W.L. Thomas. (1948). "The Hill Stations and Summer Resorts of the Orient" dalam *Geographical Review*, 38, ms.637-651.
- STB [Sabah Tourism Board]. (2008). "Visit Sabah Malaysian Borneo: Malaysia' First World Heritage Site and Surrounding Attractions" dalam *Risalah*.
- Suraya binti Sood. (2007). "Pelancongan Tanah Tinggi Kundasang dan Impilikasinya Terhadap Sosioekonomi Komuniti Tempatan: Kajian Kes Kampung Mesilau". *Tesis Master Tidak Diterbitkan*. Kota Kinabalu: Sekolah Sains Sosial UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- TDC [Tourist Development Corporation]. (1989a). *Hotel Guest Statistics 1989*. Kuala Lumpur: TDC.
- TDC [Tourist Development Corporation]. (1989b). *Supply of Rooms in Malaysia as at 31 December 1989*. Kuala Lumpur: TDC.
- Weaver, D.B. (2001). *The Encyclopedia of Ecotourism*. New York: CABI Publishing.
- Williams, A. & G. Shaw. (1988). "Tourism: Candyfloss Industry or Job Generator?" dalam *Town Planning Review*, 59, ms.81-103.
- Win Dankers. (1991). "Spatial Distribution of the Organized and Non-Organized Tourism in Malaysia: Some Policy Implication" dalam *Ilmu Alam*, 20, ms.21-23.

Jurnal dan Majalah:

- Annals of Tourism Research: A Social Sciences Journal*, Vol.21, No.1-4. (1994).
- Annals of Tourism Research: A Social Sciences Journal*, Vol.21, ms.175-178. (1994).
- Journal of Communication*, Vol.54, No.1, ISSN 0021-9916. (March 2004).
- Tourism Malaysia*, Vol.18, Issue No.2. Kuala Lumpur: Penerbitan Dwibulanan, Edaran Industri Pelancongan.

Temubual:

- Pegawai Perhubungan Awam Taman-taman Sabah.
- Pegawai Perhubungan Awam Sabah Tourism.
- Pengarah Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia (Sabah).

Rujukan Internet:

- "Dive The World" wujud dalam <http://www.DiveTheWorldMalaysia.com> [diakses di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 12 Ogos 2010].
- <http://sipadan-resort.com> [diakses di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 12 Ogos 2010].
- <http://ssg.mit.edu/group/alumni/hot> [diakses di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 12 Ogos 2010].
- <http://www.diveworldMalaysia/Mabul-tourist-information.htm> [diakses di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 12 Ogos 2010].
- <http://www.impressions.my/sipadan/main.htm> [diakses di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 12 Ogos 2010].
- <http://www.marimari.com/CONTENT/Malaysia/popular-placesislands/sipadan/sipadan.htm> [diakses di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 12 Ogos 2010].
- MASB, Sabah (2008); Jabatan Imigresen Sabah (2008); Malaysia Airlines K.L. (2008); and AirAsia Fax (2008) dalam www.sabahtourism.com.my [diakses di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 12 Ogos 2010].
- "Sipadan Island" wujud dalam <http://www.sipadan-island.com> [diakses di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 12 Ogos 2010].
- "Tourist Statistic" wujud dalam <http://www.tourism.gov.my/statistic> [diakses di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 12 Ogos 2010].
- www.sabahtourism.com.my [diakses di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: 12 Ogos 2010].